

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 11 Jun 2020 8:54 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penjawat Utama Baharu Galas Tanggungjawab Besar Bantu Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 JUN 2020 / 19 SYAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENJAWAT UTAMA BAHARU GALAS TANGGUNGJAWAB BESAR BANTU UNIVERSITI



UUM ONLINE: Penjawat utama yang baharu menerima watikah pelantikan bakal menggalas tanggungjawab besar meneruskan perjuangan dua penjawat yang akan melepaskan jawatan mereka selaku Dekan dan Pengarah mulai 1 Julai nanti.

Prof. Dr. Hassan Abu Bakar yang akan memegang jawatan sebagai Dekan, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) menggantikan Prof. Dr. Shahizan Hassan, manakala Dr. Shahrina Othman akan memegang tampuk kerusi Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) menggantikan Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek.

Penyerahan watikah penjawat utama tersebut telah disempurnakan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Balai Tamu, pagi tadi.

Beliau berkata, dua penjawat utama yang baharu dilantik itu masing-masing mempunyai pengalaman luas untuk menerajui OYAGSB dan CUIC.

Menurutnya, sudah pasti banyak ilmu yang telah diperturunkan daripada Dekan OYAGSB dan Pengarah CUIK kepada Prof. Dr. Hassan dan Dr. Shahrina bagi meneruskan agenda pusat tanggungjawab masing-masing.

"Saya berharap Dr. Marlin dapat terus memberikan khidmat bakti kepada UUM walaupun secara fizikal beliau tiada di universiti ini lagi tetapi 'roh'nya sentiasa ada di sini.

"Kedua penjawat ini juga diharap dapat membantu dalam mempereratkan hubungan dengan industri, tambahan pula ketika ini kita berada dalam situasi pandemik Covid-19," katanya.

Tambah beliau, Prof. Dr. Shahizan dan Dr. Marlin telah banyak berkorban sejak berkhidmat di UUM lebih 20 tahun lalu dengan bermula sebagai tutor sehinggalah memegang jawatan Dekan OYAGSB dan Pengarah CUIC.

Menurutnya, kepada penjawat yang akan mengambil alih tugas tersebut diharap dapat memikul cabaran besar itu dengan keupayaan yang dimiliki.

"OYAGSB telah dibangunkan dengan banyak pengorbanan dari Dekan terdahulu lagi dan semoga OYAGSB menjadi penonggak agenda di semua pusat pengajian pengurusan perniagaan di UUM.

"Begitu juga CUIC diharapkan agar dapat meneruskan jalinan kerjasama dengan pihak industri kerana ia sangat penting bukan sahaja untuk penempatan pelajar pelatih tetapi juga peningkatan kebolehpasaran graduan UUM," katanya.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, universiti akan sentiasa membantu mereka dengan memberikan motivasi untuk terus memajukan lagi UUM pada masa hadapan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.